



Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**

Masalah jerebu bila nak selesai?

Sekali lagi kita menjadi mangsa jerebu yang berpunca daripada negara jiran. Nampaknya masalah jerebu menjadi acara wajib tahunan yang perlu kita hadapi. Setiap tahun rakyat kita terpaksa berhadapan dengan masalah ini yang cukup mengganggu kehidupan harian serta membawa kepada pelbagai masalah kesihatan.

Dan setiap tahun juga kerajaan Indonesia memohon maaf kepada semua negara jiran, termasuk Malaysia selepas menyedari masalah berpunca daripada negara mereka.

Secara umumnya masalah jerebu yang melanda kita dan juga beberapa negara sekitar yang berpunca daripada Indonesia diakibatkan oleh dua keadaan. Pertama kebakaran yang berlaku, khususnya di Sumatera dan Kalimantan disebabkan oleh musim kemarau serta tidak disengajakan. Kedua akibat tindakan tamak manusia yang mengambil jalan mudah membakar dan membersihkan ladang untuk penanaman semula.

Ironinya semua pihak sedia maklum punca kepada masalah ini, namun ternyata masih tidak dapat ditangani dengan baik ataupun masih belum tampak jalan penyelesaiannya.

Kesannya rakyat kita terus menderita. Indeks Pencemaran Udara (IPU) terus meningkat dan tidak menentu. Akibatnya, sekali lagi pihak Kementerian Pendidikan terpaksa mengarahkan semua sekolah di beberapa negeri seperti Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya dan Negeri Sembilan ditutup ekoran masalah jerebu yang semakin membimbangkan. Kesannya pendidikan anak terjejas.

Dalam pada itu, kita juga perlu sedar kesan masalah jerebu kepada kesihatan manusia. Mengikut pihak info Kementerian Kesihatan, kita akan mengalami pelbagai kesan jika terdedah secara berterusan kepada jerebu antaranya, gatal di kerongkong dan batuk, sukar untuk bernafas atau sesak nafas, mata pedih ataupun berair, hidung berair, kerap bersin serta kulit badan gatal dan sakit dada. Jelas jerebu boleh menjejaskan kesihatan dan kualiti hidup kita di samping mengganggu aktiviti rutin harian kita.

Jerebu satu fenomena yang disebabkan oleh kewujudan banyak partikel kecil yang tidak boleh dilihat oleh mata kasar dan apung di udara. Partikel ini mungkin berasal secara semula jadi ataupun kesan sampingan daripada aktiviti manusia. Apabila partikel ini wujud dalam kuantiti yang banyak dan berkelompok ia boleh menyekat pancaran cahaya matahari ke bumi.

Oleh yang demikian keadaan ini mengurangkan jarak pandangan mata kasar. Kebiasaannya antara punca utama jerebu pembakaran secara terbuka, asap kilang dan asap kenderaan.

IPU sering digunakan sebagai panduan untuk mengetahui kualiti udara dan kesannya terhadap tahap kesihatan manusia.

Menyedari hakikat kesan sampingan yang cukup merisaukan ini kita berharap agar pihak kerajaan dapat bertindak dengan lebih agresif bagi menangani masalah jerebu di rantau ini.

ASEAN bertindak

Aduan semata-mata masih belum mampu untuk menyelesaikan masalah ini. Penulis yakin sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia perlu menggunakan segala platform yang ada. Andai pihak Indonesia tidak mampu menangani masalah ini secara sendirian wajar untuk semua negara ASEAN bergabung tenaga dan idea untuk membantu mengatasi masalah besar dan sejagat seperti ini.

Kesepakatan dalam kalangan negara ASEAN wajar ditonjolkan dalam menghadapi bencana besar seperti ini. Hal ini kerana kita percaya rata-rata semua negara sekitar menerima kesan dan tempas yang sama. Maka sampai bila kita mahu biarkan masalah ini berterusan dan terus menghantui kehidupan kita?

Percayalah permohonan maaf semata-mata dari negara jiran tidak menyelesaikan masalah.

Justeru penulis sangat berharap agar Malaysia akan menggunakan kuasa dan kedudukan sebagai Pengerusi ASEAN untuk berbincang dengan semua negara serantau agar mencapai satu ketetapan dan kata sepakat secara kolektif bagi mengatasi masalah ini.

Kita tidak berniat untuk menghukum negara jiran kita sebaliknya kita mahu menghulurkan bantuan dan kaedah penyelesaian yang lebih efektif dan berkesan. Kita percaya gabungan tenaga, idea dan kepakaran semua negara ASEAN mampu menyelesaikan masalah ini secara tuntas.

Apapun sementara masalah ini dapat diselesaikan kita berharap masyarakat dapat mematuhi segala nasihat pihak berkuasa kesihatan agar dapat elak daripada pelbagai masalah kesihatan. Antaranya, mereka yang mengalami penyakit seperti batuk, selesema, asma, sakit mata, sakit jantung atau penyakit paru-paru yang kronik hendaklah segera ke klinik untuk mendapatkan rawatan.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM